

11 APR 2002

Mahathir-Asia/I

PIHAK LAIN TIDAK PERLU CURIGA TERHADAP ASIA, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 11 April (Bernama) -- Malaysia tidak faham sikap negara-negara dari rantau lain yang berasa curiga terhadap negara-negara Asia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Apabila negara-negara Asia hanya boleh berunding antara satu sama lain dengan dihadiri oleh wakil dari kumpulan bukan Asia yang Asia harus bersaing, lebih-lebih lagi dihadiri oleh wakil dari negara yang berpengaruh, maka jelas perbincangan secara terbuka mustahil dapat diadakan.

"Apa-apa dibincangka yang bukan membabitkan kepentingan kumpulan-kumpulan bukan Asia akan mendapat bantahan atau dipinda supaya kurang berkesan," kata beliau pada Persidangan Tahunan Williamsburg ke-39 di sini malam ini.

Beliau berkata Malaysia bukan anti Barat atau anti Eropah dan ini terbukti apabila membuka pintu kepada pelaburan Eropah sebaik sahaja mencapai kemerdekaan.

Beliau berkata ketika negara-negara Eropah dibenar meubuhkan pertubuhan sendiri seperti Kesatuan Eropah, maka adalah satu kesilapan bagi negara-negara maju untuk menolak cadangan penubuhan Pertubuhan Asia.

"Ia menampakkan sikap "double standard" dan juga memalukan kerana negara-negara Asia Timur terpaksa berselindung dengan nama lain seperti ASEAN campur Tiga untuk membolehkan mereka bergabung," kata beliau.

Beliau berkata masyarakat Asia adalah bersifat majmuk dan jauh berpecah dan oleh itu jangan harap mereka boleh bergabung bagi menentang Eropah atau Barat. Tambahan pula, kata Dr Mahathir, penduduk Asia sedar bahawa mereka memerlukan Eropah dan Amerika untuk ekonomi mereka berkembang dan menikmati kemakmuran.

"Asia mahu menjadi demokratik, sama rata dan adil tetapi mereka tidak nampak contoh terbaik ini diamalkan dikalangan negara-negara demokratik yang memperjuangkan prinsip ini.

"Memanglah tidak demokratik untuk menggunakan paksaan termasuk tekanan ekonomi bagi memaksa pihak lain menerima sesuatu sistem atau dasar tetapi kekerasan digunakan setiap kali bagi Asia mematuhi sesuatu dasar dan kebanyakan perkara yang mereka patuhi sebenarnya bercanggah dengan kepentingan mereka," kata beliau.

Beliau berkata penubuhan Asean selepas kegagalan Maphilindo, perkumpulan yang mengandungi Malaysia, Indonesia dan Filipina pada 1960-an, adalah gabungan negara-negara lemah yang kurang pengaruh dan tidak berupaya untuk mempengaruhi hal ehwal rantau itu, apa lagi dunia.

Dr Mahathir berkata untuk menjadikan perkumpulan Asia lebih kuat, Malaysia kira-kira satu dekad lalu telah mencadangkan gabungan dengan negara-negara Asia yang lain terutama negara-negara Asia Timurlaut yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh.

"Ia bukan kesatuan ekonomi seperti Kesatuan Ekonomi Eropah. Ia cuma forum perbincangan untuk mengenal pasti dan membincangkan masalah bersama serta merumuskan pendirian bersama," kata beliau.

Perdana Menteri berkata walaupun Eropah telah melalui peredaran hingga menjadi Kesatuan Eropah dan negara-negara Amerika Utara telahpun menubuhkan NAFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara), negara-negara Asia Timur, utara dan selatan diberitahu bahawa apapun alasannya, mereka tidak boleh berunding antara satu sama lain kecuali dengan dihadiri oleh negara dari luar rantau itu.

"Sudah tentu syarat ini tidak dijelaskan secara terperinci. Tetapi negara-negara dari Timurlaut diberitahu secara lisan bahawa mereka tidak boleh menyertai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

"Sesetengah negara anggota ASEAN juga dipengeruhi dan halangan dikenakan bagi menghalang penubuhan EAEG. Menukar nama kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEA) pun tidak membantu," kata beliau.

Dr Mahathir juga membidas Amerika Syarikat sambil berkata kuasa besar itu sentiasa mengenakan syarat sebagai pertukaran bagi memberi bantuan atau pertolongan.

"Pada suatu ketika dahulu, Amerika Syarikat ialah negara paling popular di dunia kerana Peace Corps. Sekarang, tidak ada lagi Peace Corps dan tiada bantuan kecuali dikaitkan dengan pematuhan dasar negara penderma," kata beliau.

Perdana Menteri berkata perlanggaran syarat itu, walaupun sekecil pun akan menyebabkan negara penerima dikenakan sekatan dan hukuman lain yang memburukkan lagi kesengsaraan yang dialami.

"Amerika telah menjadi hodoh sehingga menyebabkan kedutaan-kedutaan Amerika di seluruh dunia mesti didirikan di belakang tembok yang tinggi," kata beliau.

-- BERNAMA

SR HS FAZ